



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI TERHADAP PERANAN PENGURUS SEKOLAH DALAM
PENGURUSAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH
(KBSM) DI JERANTUT**

AHMAD DARAS

FPP 1999 62

**PERSEPSI TERHADAP PERANAN PENGURUS SEKOLAH DALAM
PENGURUSAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)
DI JERANTUT**

AHMAD DARAS

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



**PERSEPSI TERHADAP PERANAN PENGURUS SEKOLAH DALAM
PENGURUSAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)
DI JERANTUT**

OLEH

AHMAD BIN HAJI DARAS

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Jun 1999



DEDIKASI

Istimewa untuk ayahandaku Haji Daras yang sudah pergi, bonda yang dikasihi, isteri dan anak-anak yang sentiasa mendoakan untukku terus belajar.

Akhirnya, di sepanjang saya menyiapkan penulisan ilmiah ini, sungguh banyak pengalaman yang sangat berharga telah saya perolehi dan tentunya boleh membantu saya dalam kerjaya saya sebagai pengurus sekolah. Terima kasih sekali lagi kepada Jawatankuasa Penyeliaan dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia kerana banyak mengajar saya dalam membuat penyelidikan pendidikan ini. Wassalam.



DAFTAR KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB	
I PENGENALAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	7
Soalan Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Batas Kajian	9
Definisi Operasional Istilah	10
Pengurus Sekolah	10
Pengurusan Kurikulum (KBSM)	10
Persepsi	11
Inovasi Pendidikan	11
Kurikulum (KBSM)	12
Tahap (Pengetahuan, Keperluan dan Pelaksanaan)	13
II SOROTAN LITERATUR	14
Pengenalan	14
Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Di Sekolah Menengah	14
Inovasi Pendidikan	22
Peranan Pengurus Sekolah Dalam Pengurusan Kurikulum	27
Kepimpinan Pentadbiran	28
Kepemimpinan Pengajaran	29
Aspek Pengurusan Kurikulum	35
Pengurusan Kurikulum Berasaskan Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara	36
Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	37
Penyeliaan Kurikulum	37
Kurikulum dan Pengajaran	39
Pusat Sumber Sekolah	40



Penilaian dan Pengesanan	42
Perkembangan Staf	43
Persepsi Pengurus Sekolah dan Guru Terhadap Pengurusan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	45
Kerangka Konseptual	50
Kesimpulan	53
III METODOLOGI KAJIAN	55
Pengenalan	55
Reka Bentuk Kajian	55
Populasi	56
Instrumen Kajian	56
Kajian Rintis	58
Pengumpulan Data	59
Penganalisan Data	59
IV DAPATAN KAJIAN	60
Pengenalan	60
Latar Belakang Responden	60
(1) Apakah Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pengetahuan, Keperluan dan Pelaksanaan Pengurusan KBSM?.....	63
(2) Apakah Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan, Keperluan dan Pelaksanaan Pengurusan KBSM oleh Pengurus Sekolah?	103
(3) Apakah Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Pengetahuan, Tahap Keperluan Dan Tahap Paelaksanaan Pengurusan KBSM oleh Pengurus Sekolah?.....	143
V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	154
Pengenalan	154
Rumusan Kajian	154
Rumusan Kepada Soalan Kajian	156
Perbincangan.....	165
Cadangan	170
Penutup	174
Bibliografi	175

LAMPIRAN

A	Soal Selidik	190
B	Senarai Sekolah Dikaji	200
C	Surat Kebenaran	201
	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	
	Kementerian Pendidikan Malaysia.....	202
	Surat Kebenaran Dari Jabatan Pendidikan Pahang.....	204
VITA	206



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Latar Belakang Responden	62
2	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap..... Pengetahuan Pengurusan KBSM Secara Keseluruhan	63
3	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pengetahuan ... Mengikut Aspek-Aspek Pengurusan Kurikulum (KBSM)	64
4(a)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap..... Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	65
4(b)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pengetahuan ... Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	66
4(c)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap	68
	Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Aspek Penyeliaan Kurikulum	
4(d)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap	73
	Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Aspek Penilaian Dan Pengesanan	
4(e)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap	75
	Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS)	
4(f)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap	76
	Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	
5	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan..... Pengurusan KBSM Secara Keseluruhan	77



6	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan Mengikut Aspek Pengurusan KBSM	78
7(a)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	79
7(b)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan..... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	80
7(c)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan..... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Penyeliaan Kurikulum	82
7(d)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS)	86
7(e)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Penilaian dan Pengesanan	87
7(f)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	89
8	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Secara Keseluruhan	90
9	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan.... Mengikut Aspek Pengurusan KBSM	91
10(a)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan..... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	92
10(b)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	93



10(c)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Penyeliaan Kurikulum	94
10(d)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan ... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS)	99
10(e)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan ... Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Penilaian dan Pengesanan	101
10(f)	Persepsi Pengurus Sekolah Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	102
11	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Secara Keseluruhan	103
12	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Aspek-Aspek Pelaksanaan Kurikulum	104
13(a)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	105
13(b)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	106
13(c)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penyeliaan Kurikulum	108
13(d)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah	113



13(e)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penilaian dan Pengesanan	114
13(f)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	115
14	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Secara Keseluruhan	117
15	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Mengikut Aspek-Aspek Pengurusan KBSM	117
16(a)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	118
16(b)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	119
16(c)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penyeliaan Kurikulum	120
16(d)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah	125
16(e)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penilaian dan Pengesanan	126



16(f)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	128
17	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Secara Keseluruhan	129
18	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Aspek- Aspek-Aspek Pengurusan KBSM	130
19(a)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Kefahaman Falsafah Pendidikan Negara(FPN)	131
19(b)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Penyediaan Bahan-Bahan Kurikulum	132
19(c)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penyeliaan Kurikulum	134
19(d)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS)	138
19(e)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Penilaian dan Pengesanan	140
19(f)	Persepsi Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah Mengikut Item-Item Aspek Pengurusan Pembangunan Staf	141



20	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Mengikut Aspek-Aspek Pelaksanaan Kurikulum	145
21	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Mengikut Aspek-Aspek Pelaksanaan Kurikulum	147
22	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Mengikut Aspek-Aspek Pengurusan Kurikulum	149
23	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Pengetahuan Pengurusan KBSM Oleh pengurus Sekolah	151
24	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Keperluan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah	152
25	Perbezaan Persepsi Di Antara Pengurus Sekolah Dengan Guru Terhadap Tahap Pelaksanaan Pengurusan KBSM Oleh Pengurus Sekolah	153



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Jentera Pelaksanaan KBSM.....	21
2	Kerangka Konseptual	52

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI TERHADAP PERANAN PENGURUS SEKOLAH DALAM
PENGURUSAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)
DI JERANTUT**

Oleh

AHMAD BIN HAJI DARAS

Jun 1999

Pengerusi : Profesor Madya Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau persepsi pengurus dan guru sekolah terhadap tahap pengetahuan, keperluan dan pelaksanaan pengurusan KBSM di sembilan buah sekolah menengah dalam daerah Jerantut Pahang Darul Makmur. Kajian ini juga turut meninjau perbezaan persepsi antara pengurus sekolah dengan guru terhadap tahap pengetahuan, keperluan dan pelaksanaan pengurusan KBSM oleh pengurus sekolah di daerah berkenaan. Sebanyak 79 orang responden telah dikategorikan sebagai 'pengurus sekolah' yang terdiri daripada pengetua, guru penolong kanan, penyelia petang, ketua bidang mata pelajaran dan setiausaha kurikulum. Sementara 344 orang lagi dikategorikan sebagai guru biasa. Kesemua responden dalam kajian ini dikehendaki menjawab soal selidik berkaitan pengurusan KBSM di sekolah masing-masing. Penganalisan data kajian adalah berpandukan statistik deskriptif dan ujian 't'.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden di kalangan pengurus sekolah mempunyai persepsi tahap pengetahuan dan tahap keperluan pengurusan KBSM yang tinggi . Walau bagaimanapun, tahap pelaksanaan pengurusan kurikulum dipersepsikan berada di tahap sederhana tinggi. Sementara guru pula mempersepsikan bahawa tahap pengetahuan pengurus sekolah terhadap pengurusan kurikulum adalah tinggi, namun tahap keperluan pengurusan kurikulum oleh pengurus sekolah dipersepsikan sederhana tinggi dan tahap pelaksanaan pengurusan kurikulum yang dijalankan oleh pengurus sekolah dipersepsikan sederhana sahaja. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di antara pengurus sekolah dengan guru terhadap tahap pengetahuan, keperluan dan pelaksanaan pengurusan (KBSM) oleh pengurus sekolah.

Dengan ini, pihak pengurus sekolah dan guru perlu bekerjasama meningkatkan tahap pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah dan berusaha mengurangkan perbezaan-perbezaan berhubung persepsi pengurusan KBSM melalui muafakat dengan tujuan untuk mencapai keberkesanan dan kecemerlangan sekolah. Akhirnya, beberapa cadangan dikemukakan untuk peningkatan tahap pelaksanaan pengurusan kurikulum.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
Fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**PERCEPTIONS TOWARDS THE ROLE OF THE SCHOOL MANAGERS IN
MANAGING THE INTERGRATED CURRICULUM FOR SECONDARY
SCHOOL IN JERANTUT**

By

AHMAD BIN HAJI DARAS

Jun 1999

Chairman : Associate Professor Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

This research aimed to study the perception of the managers and teachers of the school towards the curriculum management of the nine secondary schools in Jerantut Pahang Darul Makmur. Basically, three levels of curriculum management were studied: the level of knowledge, the level of necessity and the level of implementation. The research also studied the differences between the school managers and the teachers' perception regarding those three areas. Seventy nine respondents were categorized as 'school managers' and they were principals, senior assistants, afternoon supervisors, heads of subject matters department and curriculum secretaries. While 344 other respondents were regular teachers. All respondents were asked to answer questionnaires on the KBSM curriculum management at their respective schools. The analysis of the data was based on descriptive statistic and 't' test.



The findings showed that on the whole all school managers perceived that they possess high level of knowledge and necessity concerning the KBSM curriculum management. However, the level of implementation of the school managers was still moderately high. The regular teachers perceived that the school managers' level of knowledge towards the curriculum management was high, while the level of necessity was moderately high, whereas the level of implementation was just average. Also the result showed that there was a significant difference on the perceptions between the school managers and the regular teachers concerning the school managers' levels of knowledge, necessity and implementation of the KBSM curriculum management.

The school managers and the teachers should cooperate to increase the level of implementation. They also have to take the effort to minimise their different perceptions of the KBSM curriculum management to achieve the excellent and effective schools. Finally, several suggestions were given to increase the level of implementation on the curriculum management.



BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang

Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu langkah ke arah meningkatkan mutu pendidikan dengan menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Langkah ini bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara.

Usaha ke arah melahirkan KBSM bermula pada tahun 1988, selaras dengan beberapa perakuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Laporan telah menjadi asas kepada pembaharuan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah dilaksanakan di semua sekolah di seluruh negara mulai tahun 1983.

Kurikulum sekolah menengah yang dilaksanakan sebelum KBSM didapati kurang menekankan nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang membolehkan pelajar menjadi warganegara yang bersemangat setia negara dan berakhlak mulia.



Di samping itu, antara ciri-ciri yang terdapat dalam kurikulum sebelum KBSM itu ialah kandungannya yang terlalu memberatkan ilmu pengetahuan akademik. Penekanan yang berlebihan ini telah menyebabkan kurangnya tumpuan kepada perkembangan watak dan sahsiah pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Beberapa dasar dan keperluan negara yang timbul sejak pelaksanaan kurikulum sebelum KBSM ini memberi cabaran kepada sistem pendidikan untuk memenuhi keperluan tersebut. Oleh yang demikian berdasarkan falsafah pendidikan kebangsaan, rancangan KBSM bertujuan melahirkan insan yang baik. KBSM bertujuan untuk membolehkan pelajar memperkembang potensi mereka dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani secara menyeluruh dan bersepadu berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Melalui KBSM adalah diharapkan perkembangan yang menyeluruh dan bersepadu dapat melahirkan pelajar yang boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat di samping dapat berfungsi secara berkesan dan produktif dalam proses keharmonian dan pembangunan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Usaha dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan KBSM adalah penting. Oleh itu semua pihak perlu mengetahui dan memahami rancangan KBSM serta peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan KBSM.

Implikasi daripada pelaksanaan KBSM ini adalah besar, apabila:

- (1) Masyarakat menaruh harapan yang tinggi terhadap KBSM dan menginginkan KBSM boleh menyelesaikan berbagai-bagai masalah pendidikan di peringkat sekolah menengah.
- (2) Kejayaan atau kegagalan perubahan ini bukan semata-mata bergantung kepada kurikulum yang dihasilkan tetapi lebih banyak terletak kepada keupayaan menterjemahkan kurikulum itu dalam pelaksanaan.

Dalam strategi pelaksanaan KBSM terdapat pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Yang terlibat secara langsung ialah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru. Pihak-pihak ini bertanggungjawab bagi memastikan pembelajaran itu berlaku dan juga mengadakan *prasarana* dan suasana yang memungkinkan pembelajaran itu berlaku. Manakala pihak yang terlibat secara tidak langsung ialah ahli-ahli masyarakat dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai keprihatinan terhadap pendidikan serta pihak awam.

Pelaksanaan KBSM memang merupakan tanggungjawab bersama antara Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah, tetapi aktiviti yang utama dalam KBSM ialah pengajaran dalam bilik darjah dan disokang pula dengan aktiviti lain di peringkat sekolah. Ini menunjukkan

bahawa pengurusan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah oleh pengetua atau pengurus sekolah di sekolah sangat penting.

Pernyataan Masalah

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1988 dengan empat mata pelajaran bahasa (Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil) merupakan satu perubahan yang dirancang. Perubahan yang berlaku dalam KBSM memerlukan penglibatan yang sepenuhnya daripada kaum guru di bawah pimpinan dan dorongan pengurus sekolah. Pengurus sekolah yang cekap, kemaskini dan berkesan, termasuk dalam bidang profesional adalah amat dituntut dan diperlukan di sekolah-sekolah kita hari ini kerana reformasi pendidikan sedang dan akan berlaku dengan pesatnya (Hanafi, 1990). Sesuai dengan perubahan ini kepimpinan sekolah adalah dituntut untuk menggalakkan pertumbuhan unsur-unsur daya cipta inovasi dan penyesuaian yang positif dan bermanfaat kepada perkembangan pendidikan yang sihat, sesuai dan sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

Prestasi sesebuah sekolah sering dikaitkan dengan prestasi pengurus sekolahnya. Pengurus sekolah yang baik dan pengwujudan iklim organisasi yang sesuai serta kondusif dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada sejauh manakah peranan yang dapat dimainkan oleh pengurus sekolah dalam pengurusan kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993). Di samping itu

guru adalah individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Amin (1990), guru adalah antara pihak yang banyak menghadapi cabaran dan kesulitan. Ini kerana mereka sentiasa berhadapan dengan suasana pembaharuan di sekolah.

Sungguhpun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sudah memberi pendedahan kepada sebilangan besar daripada pengurus sekolah yang dikelolakan oleh Institut Aminuddin Baki dan cawangan-cawangannya melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan, namun permasalahan pengurusan kurikulum (KBSM) masih lagi wujud. Malahan ada kajian-kajian yang menunjukkan bahawa terdapat berbagai-bagai jenis halangan yang menghalang pengurus sekolah untuk menjadi pemimpin pengajaran yang berkesan (Hussein, 1991). Justeru itu beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Bagi melaksanakan pengurusan KBSM yang berkesan, pengurus sekolah dan guru-guru yang mengajar perlulah saling mengetahui dan memahami aspek-aspek dalam pengurusan kurikulum bagi tujuan pelaksanaan kurikulum berkenaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa masalah dalam pengurusan kurikulum ini iaitu apabila pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dari Kementerian Pendidikan Malaysia (1989) dalam kajiannya merumuskan, bahawa di kalangan guru masih ada yang kabur mengenai konsep-konsep asas dalam KBSM; pengurusan pelaksanaan KBSM di sekolah masih tidak diurus dengan sepenuhnya; penggunaan bahan bantu mengajar masih kurang digunakan; strategi bahasa dan

nilai-nilai murni merentasi kurikulum masih belum melihatkan kejayaannya, di samping pembinaan budaya kerja, budaya belajar dan budaya sekolah masih belum menghasilkan kejayaannya. Hasil Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan di Institut Aminudin Baki pada 2 hingga 6 September 1996 merumuskan bahawa kepemimpinan dan pengurusan pengetua atau pengurus sekolah dalam melaksanakan KBSM masih belum mantap; tahap kepakaran dan keyakinan guru masih di tahap rendah; mengakui bahawa kepimpinan pengurusan kurikulum yang ditunjukkan oleh kakitangan sumber belum mencapai tahap yang diharapkan; pengetahuan dan keupayaan kakitangan sumber dalam penyebaran maklumat KBSM masih memerlukan peningkatan; dan guru-guru kurang kefahaman tentang prinsip dan aspirasi KBSM (Faridah, 1996; Mohd Yusof, 1996; Sharifah Maimunah, 1996).

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh pengurus sekolah dalam pengurusan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Persoalan kajian ialah apakah persepsi pengurus sekolah dan guru terhadap tahap pengetahuan, keperluan dan pelaksanaan pengurusan kurikulum (KBSM) oleh pengurus sekolah, serta adakah terdapat perbezaan persepsi guru dengan pengurus sekolah dari segi pengetahuan, keperluan dan pelaksanaan pengurusan kurikulum (KBSM)? Di samping itu, kajian mengenai pengurusan kurikulum bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di sekolah, terutamanya di Malaysia sangat kurang dihasilkan.